

Media	Utusan Malaysia	Date	Monday, June 30, 2014
Headline	InfoWatch perluas jaringan perkongsian		
Synopsis	InfoWatch, one of the leading global DLP vendors plans to increase its channel partner chain to sell its innovative DLP solutions in Malaysia. Up to now one of the most active InfoWatch partners in the region is Tech Titan, a leading Asian IT Security solution provider in the area of network security.		

InfoWatch perluas jaringan perkongsian

INFOWATCH, salah sebuah vendor Perlindungan Kehilangan Data (DLP) terkemuka dunia, berhasrat untuk memperluaskan rangkaian perkongsian salurannya bagi memasarkan produk DLP inovatifnya di negara ini.

Setakat ini, antara syarikat perkongsian InfoWatch yang aktif di rantau ini ialah Tech Titan, pembekal produk sekuriti teknologi maklumat (IT) terkemuka di Asia dalam bidang keselamatan rangkaian.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan InfoWatch, Natalya Kaspersky berkata, pihaknya sentiasa aktif mengembangkan perkongsian saluran yang baik dan berpotensi di negara ini.

“Strategi kami untuk rantau ini menekankan tiga elemen utama iaitu wakil rantau yang cekap, beberapa perkongsian yang berjaya dan pemasaran

promosi yang aktif.

“Walaubagaimanapun, kami sentiasa bersedia menyokong dan melabur bersama setiap rakan kongsi kami dan mengalukan kerjasama saluran demi kejayaan bersama,” katanya.

Sebagai sebahagian daripada komitmen firma tersebut di rantau ini, pasukan pakar InfoWatch telah menganjurkan latihan teknikal intensif di ibu negara untuk rakan kongsinya di Malaysia, minggu lalu.

Dalam sesi latihan selama dua hari tersebut, rakan kongsi InfoWatch akan diberikan latihan komprehensif mengenai produk terbaru InfoWatch Traffic Monitor Enterprise versi 5.0.

Versi terbaru ini mewarisi teknologi termaju yang sebelum ini mungkin diperbaharui dengan pendekatan berorientasikan perniagaan bagi menangani proses kebocoran data.

Produk tersebut menggunakan sebuah platform baru yang menganalisis secara bebas setakat mana situasi yang ditentukan dipenuhi dan membenarkan penentuan polisi sekuriti IT dengan mudah tanpa sebarang pengetahuan spesifik.

InfoWatch menawarkan program pemantapan teknikal rakan kongsi di iaitu pakar firma tersebut melatih pasukan teknikal rakan kongsi.

Latihan ini menawarkan pengetahuan dan kepakaran yang mendalam mengenai pencegahan kebocoran data dan perkara lain berkaitan keselamatan maklumat dengan kelebihan kompetitif dari segi pemasaran produk sekuriti IT.

Kesemua rakan kongsi InfoWatch menjalani pensijilan dan dianugerahkan status *InfoWatch Group Certified Partner* selepas menamatkan latihan.